

→ PENDIDIKAN

9 intervensi kurangkan beban guru

→ Kementerian komited kembalikan tugas hakiki pendidik tanpa dibebani kerja pengkeranian

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

■ Serdang

Sembilan intervensi diputuskan bagi mengurangkan beban tugas guru, antara perkara penting yang diumumkan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, pada Majlis Amanat Menteri Pendidikan 2019.

Bertemakan 'Pendidikan Untuk Semua,' Maszlee berkata, sejak hari pertama beliau diamanahkan sebagai menteri pendidikan, fokus utama adalah untuk memastikan guru mengajar dan bekerja dengan gembira serta menyeronokkan.

"Kementerian Pendidikan berusaha keras mengembalikan tugas hakiki guru, iaitu mendidik dan mengajar serta mengenal pasti punca tugas pengkeranian mengganggu tugas utama mereka.

"Bagi memastikan tujuan itu dapat dilaksanakan, KPM mempunyai perancangan jangka masa pendek, pertengahan dan panjang.

"Bermula Januari, sembilan intervensi digariskan untuk dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah," katanya pada majlis yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Majlis berkenaan dihadiri lebih 4,000 orang terdiri daripada warga KPM, agensi di bawah kementerian, pemimpin industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan EXCO Pendidikan Kerajaan Negeri.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha KPM, Datuk Dr Mohd Gazali Abbas; Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Dr Siti Hamisah Tapsir.

Sembilan intervensi itu dipecahkan kepada 5 inisiatif

→ **Inisiatif Pertama:** memudahkan pengurusan fail yang dipecahkan kepada tiga intervensi, iaitu memudahkan pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), fail penatia dan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Bagi pengurusan SPBT, kementerian akan menambah baik proses perekodan yang mana guru tidak perlu menulis perolehan, pengurangan bilangan fail, pengisian maklumat secara *softcopy* dan lain-lain.

Untuk pengurusan fail panitia, pihak sekolah diberi autonomi dalam menentukan bilangan fail panitia dan dokumen akan disimpan, sama ada salinan digital (*softcopy*) atau salinan keras (*hardcopy*), berdasarkan keperluan dan kesesuaian sekolah.



Maszlee, Nie Ching dan Mohd Gazali bersama warga pendidik ketika Majlis Amanat Menteri Pendidikan 2019 di UPM Serdang, semalam.

Bagi pelaporan PBD, cetakan hanya perlu dilakukan berdasarkan keperluan sekolah. Panduan pelaksanaan PBD juga dimuat naik ke laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).

→ **Inisiatif Kedua:** Pengurusan data dan sistem online, membabitkan dua intervensi, iaitu pengumpulan data hendaklah diambil daripada sumber data sedia ada di dalam sistem KPM dan Sistem Kehadiran Murid dalam talian, akan digunakan sepenuhnya bagi merekod kehadiran murid dan guru tidak perlu lagi mengisi buku Jadual Kedatangan Murid.

→ **Inisiatif Ketiga:** Sekolah merangka sendiri pelaksanaan Literasi dan Numerasi (LINUS) yang sesuai dengan keperluan murid, susulan pemansuhan Peperiksaan Tahap 1.

Pihak sekolah hendaklah mengenal pasti murid Tahap 1 yang mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira, serta menyediakan intervensi (pemulihan) yang bersesuaian pada peringkat sekolah.

Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun Murid Tahap 1 di sekolah rendah, termasuk Murid Keperluan Khas (MBK) digantikan dengan pentaksiran yang lebih objektif, dengan melihat kepada perkembangan murid secara lebih menyeluruh dan berterusan, termasuk amalan nilai murni yang berbentuk rutin harian.

→ **Inisiatif Keempat:** Penyeragaman borang dan proses pemantauan dua intervensi yang dilaksanakan bagi memastikan guru tidak lagi terbeban mengisi borang kebersihan, keselamatan dan

penarafan kantin.

→ **Inisiatif Kelima:** Penyelarasan penubuhan jawatankuasa peringkat sekolah, bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang tidak berkaitan dengan tugas mendidik akan dimansuhkan.

Dalam amanat itu juga, Maszlee turut menekankan persekitaran dan infrastruktur, bagi memastikan sekolah adalah tempat selamat serta lengkap dengan kemudahan asas yang diperlukan.

Sehubungan itu, beliau mengadakan pemantauan sekolah daif di Sabah dan Sarawak.

Baik pulih sekolah daif

"Saya komited untuk memastikan projek baik pulih sekolah daif seluruh negara menjadi keutamaan," katanya.

Sepanjang tahun lalu, pembaihan projek sekolah daif di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebanyak 393 projek dengan peruntukan RM1.703 bilion.

Dalam pendidikan inklusif, KPM memberi tumpuan untuk mengurangkan kadar keciciran dengan memastikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan B40, Orang Asli dan kanak-kanak tanpa dokumen turut mendapat tempat seperti murid lain.

Bagi Institusi Pengajian Tinggi, Maszlee berkata, selari dengan visi untuk mengembalikan wibawa universiti awam dan pengajian tinggi melalui peningkatan kualiti dan penekanan nilai sebagai teras, KPM menggariskan empat hala tuju khusus, iaitu kualiti, autonomi dan kolaborasi serta Pengantaraan-bangsaan.

KPM juga berusaha meningkatkan keupayaan institusi dan sistem TVET, bagi memastikan ia kekal kompetitif dan menepati kehendak pasaran.

KPM akan meningkatkan kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan, melalui pendekatan mengupayakan industri bagi menerajui pembangunan kokurikulum, menghapuskan pertindihan program dan sumber, meningkatkan keberkesanan kos serta memperluaskan pembiayaan TVET bagi meningkatkan enrolmen.

Kementerian juga dalam usaha menyelesaikan isu pengiktirafan Kolej Vokasional (KV) yang kontroversial supaya pelajar di KV diberikan hak pendidikan saksama.

INTERVENSI MENGURANGKAN BEBANAN GURU

